

**PENDIDIKAN ISLAM ASAS PEMBANGUNAN HIDUP BERAGAMA
DALAM KALANGAN REMAJA: SATU TINJAUAN LITERATUR**

¹Norul Huda Bakar, ¹Nazneen Ismail, ¹Mariam Abd. Majid, ²Hasnan Kasan
norulhuda@kuis.edu.my, nazneen@kuis.edu.my
mariam@kuis.edu.my, hasnan@ukm.my
¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS
²Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

ABSTRAK

Remaja merupakan aset yang sangat berharga bagi agama dan negara. Masa depan negara dan agama terletak pada kemenjadian remaja pada hari ini kerana mereka yang akan mewarisi dan meneruskan kepimpinan masa akan datang. Banyak kajian melaporkan bahawa hidup beragama adalah pendekatan terbaik dalam membentuk remaja yang cemerlang dunia dan akhirat dengan kemampuan memimpin diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Pendidikan Islam berperanan penting dalam membangunkan hidup beragama yang dapat menyelesaikan pelbagai gejala yang timbul dalam masyarakat yang melibatkan golongan remaja. Justeru itu, kajian ini akan mengupas dan menganalisis elemen pendidikan Islam yang dibincangkan oleh sarjana Islam bagi membangunkan hidup beragama dalam diri remaja. Kajian ini mendapati enam elemen pendidikan Islam yang dapat membangunkan hidup beragama dalam kalangan remaja iaitu pendidikan rohani, pendidikan akhlak, pendidikan akal, pendidikan jasmani, pendidikan sosial dan pendidikan seks.

Kata kunci : Pendidikan Islam, hidup beragama, remaja.

1.0 PENDAHULUAN

Remaja merupakan aset yang sangat berharga bagi agama dan negara. Masa depan negara dan agama terletak pada kementerian remaja pada hari ini kerana mereka yang akan mewarisi dan meneruskan kepimpinan masa akan datang. Menurut Imam Hassan Al-Banna, kemajuan sesebuah negara pada masa akan datang boleh dilihat melalui remaja pada masa kini.

Di peringkat usia remaja jiwa mereka penuh dengan cita-cita yang tinggi dan darah gemuruh serta idealisme yang luas (TajulAriffin, 1990). Mereka juga sedang menstabilkan emosi, daya intelek, memantapkan fizikal serta membina identiti (Razalleigh Muhamat dan Ahmad Tamizi, 2010). Kerana itu golongan remaja sangat mudah terdedah dengan anasir yang jahat berbanding anasir baik yang berlingkar disekeliling mereka. Justeru itu, remaja harus dibinakan keupayaan, disuburkan keintelektualan, dimotivasikan rangsangan dan gerakannya supaya mereka ada kekuatan dengan sepenuh hati mengangkat harga diri dan martabat ke peringkat antarabangsa. Maka, memperkasakan potensi kecemerlangan remaja yang amat berharga ini dalam pelbagai aspek merangkumi disiplin kehidupan, kemasyarakatan dan pengetahuan adalah menjadi tanggungjawab bersama. Segala usaha ini harus dilakukan secara berterusan kerana usia remaja ini sering dikaitkan dengan segala keinginan dan kelakuan yang negatif (Nik Safiah Nik Abdullah et. al., 2015).

Islam hadir dalam kehidupan manusia sebagai hidayah dan petunjuk jalan yang sewajarnya dilalui oleh manusia dalam mencapai keredhaan Allah SWT. Memalingkan diri daripada hukum syariat akan menjadikan manusia tersasar dari kehendak agama serta tujuan kehidupan di dunia. Pelbagai masalah timbul kesan daripada keingkaran tersebut seperti masalah sosial dalam kalangan remaja (Nurzatil Ismah dan Zulkifli, 2017). Permasalahan yang paling dibimbangi adalah indeks kefahaman dan penghayatan agama dalam kalangan remaja semakin menurun sehingga ramai yang meninggalkan solat, tidak mampu membaca al-Quran, tahap penguasaan fardu ain yang lemah, adab dan tutur kata yang jauh dari nilai Islam dan

tidak mengendahkan perkara halal dan haram dalam agama (Muhammad Khairul Azhar dan Nur'Athiroh Masyaa'il, 2017).

Kembali kepada ajaran dan menghayati hidup beragama merupakan solusi terbaik dalam menangani permasalahan yang menimpa golongan remaja pada hari ini. Seperti mana firman Allah SWT:

﴿مُبِينٌ عَدُوٌّ لَكُمْ إِنَّهُ الشَّيْطَانُ خُطُوَاتٍ تَتَّبِعُونَ أَوْلَا كَافَّةً السَّلْمِ فِي أَدْخُلُوا أُمَّمُوا الَّذِينَ يَتَأْتِيهَا

Yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu. (Surah al-Baqarah : 208).

Membangunkan penghayatan hidup beragama dalam diri remaja merupakan pendekatan terbaik dalam membentuk remaja dari pelbagai aspek. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa sesuatu bangsa akan mencapai kecemerlangan apabila setiap individu masyarakatnya mempunyai unsur kekuatan ukhuwwah dan kesedaran keagamaannya.

Hidup beragama dapat menanamkan keimanan dalam hati dan membentengi diri dari daripada penyelewengan terhadap agama (Ibnu Qayyim al-Jawziyah, 1983). Selain itu, hidup beragama juga memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Ahmad Raba, 2001; Jamiah Manap, 2005). Ia juga memberi ketenangan emosi (Hasnan Kassan 2002) dan meningkatkan keyakinan dalam diri manusia (Yusuf al-Qaradawi, 1998) serta memberi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Hamka, 1997).

Terdapat banyak kajian yang dijalankan menyatakan bahawa hidup beragama dapat menangani permasalahan akhlak dan sosial remaja. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah (2012) mendapati hidup beragama dapat mencegah remaja

terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara (Fauziah et al., 2012). Hidup agama dalam diri seseorang individu juga dilihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama (Sarina 1995). Hidup beragama juga memberi kekuatan untuk berdepan dengan cabaran yang negatif (Sharifah et al., 2010).

Hidup beragama dalam kalangan remaja perlu dibangunkan dan diperkasakan. Ini kerana hidup beragama memberi banyak impak positif dalam membentuk kehidupan remaja yang seiring dengan tuntutan agama bahkan juga dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat.

2.0 DEFINISI HIDUP BERAGAMA

Hidup beragama adalah terjemahan daripada perkataan bahasa Arab iaitu *hayah al-mutadayyinah* (Zakaria Stapa, 2002) atau *al-tadayyun* (Sharifah Hayaati, 2017). Perkataan hidup menurut kamus Dewan bermaksud terus bernyawa atau bernafas, membesar, tidak mati dan berada dalam keadaan tertentu. Perkataan beragama bermaksud mempunyai agama, menganuti agama, mematuhi ajaran agama, taat pada agama dan beribadat (Kamus Dewan). Merujuk kepada kamus Bahasa Arab perkataan bagi *mutadayyinah* memberi maksud melaksanakan ajaran-ajaran agama dengan bersungguh-sungguh. Perkataan *al-tadayyun* pula memberi maksud warak.

Istilah hidup beragama menurut pandangan al-Qardawi ialah menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan dengan penuh kebulatan berdasarkan akidah, ibadah, syariah dan akhlak serta menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT (al-Qaradawi, 1984).

Al-Najjar (1989) dan Abdullah Darraz (t.t) memberikan maksud hidup beragama sebagai komitmen manusia dalam melaksana atau merealisasikan ajaran agama dan memastikan kehidupannya menepati ajaran agama sama ada secara tasawwur mahupun amalan yang dilakukan.

Hidup beragama ini juga dijelaskan sebagai kepercayaan yang pasti, ketundukan yang mutlak, kepatuhan yang penuh kesedaran dan keikhlasan kepada sumber dan ilahi dari segenap sudut kehidupan manusia (Ramli, 1997; Haron Din et. al., 1985). Sesetengah penulisan menggunakan perkataan komitmen beragama (Hasanah, 2016, Handoyo & Rusli, 2008), kematangan beragama (Indirawati, 2006), religiositi (Khairul Anwar, 2008; Md Noor, 2013; Rafiza, 2015) dan penghayatan agama (Nur Salimah, 2013; Azma 2005). Hidup beragama juga terkandung dalam pengertian iman dan taqwa (al-Qurtubi t.t; Azimi Hamzah et. al., 2006).

Pengkaji-pengkaji hidup beragama di Malaysia juga mendatang takrifan hidup beragama. Antaranya Khairul Anwar (2008) memberikan maksud hidup beragama sebagai menjadikan Islam tatacara hidup yang sempurna dan diredhai oleh Allah SWT berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT dan bertunjangkan tauhid.

Azma (2005) memberikan maksud hidup beragama sebagai proses meresapkan ilmu-ilmu Islam ke dalam hati serta mengaplikasikan dalam kehidupan sehingga sejajar tingkah laku dalaman dan luaran dengan kehendak Islam.

Nor Salimah (2013) mendefinisikan hidup beragama sebagai menghayati agama dalam ertikata melaksanakan perintah, peraturan dan isi kandungan agama dengan seluruh ruang lingkup dan dimensinya sehingga dapat dirasai dan meresap ke dalam jiwa.

Justeru itu, hidup beragama boleh disimpulkan sebagai menjadikan ajaran Islam sebagai cara hidup dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Allah SWT, menuruti segala ajaran Rasulullah SAW dengan penuh ketaatan dan berakhlak dengan akhlak Islam.

Ukuran yang boleh memberikan gambaran kepada penghayatan ini yang utamanya adalah pengamalan berasaskan kefahaman dan pengetahuan agama dalam kalangan umat Islam. Justeru, pelaksanaan kehidupan berasaskan iman dan takwa akan membentuk penghayatan beragama (Sharifah Hayaati, 2017).

3.0 ASAS PEMBANGUNAN HIDUP BERAGAMA REMAJA

Islam adalah agama yang dapat memenuhi naluri beragama bagi manusia dan Islam juga merupakan agama yang Allah SWT iktiraf untuk dianuti oleh manusia sebagai panduan dan pedoman hidup. Firman Allah SWT :

يَكُنْ الْقِيَمُ الدِّينُ ذَلِكَ اللَّهُ لَخَلْقِ تَبْدِيلَ لَا عَلَيْهَا النَّاسَ فَطَرَأَتِي اللَّهُ فِطْرَتَ حَنِيفًا لِلدِّينِ وَجْهَكَ فَأَقَمَّ

يَعْلَمُونَ لَا النَّاسِ أَكْثَرُ وَا

Yang bermaksud :

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah, (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Surah al-Rum : 30).

Di dalam hadis Nabi SAW juga telah dinyatakan bahawa fitrah manusia sejak dari dilahirkan adalah cenderung beragama Islam. Sabda Rasulullah SAW:

كل مولود يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو يمجسانه.

Yang bermaksud :

Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (Islam), maka kedua orang tuanya yang menjadikan Yahudi, Nasrani atau Majusi (HR. al-Bukhari dan Muslim).

Kecenderungan beragama merupakan keperluan dan desakan batin yang semulajadi dalam diri manusia, walaupun secara realiti manusia mengisi desakan batin untuk beragama itu dengan pelbagai pengisian iaitu sama ada berdasarkan petunjuk yang benar atau kesesatan (al-Najjar, 1989).

Remaja menurut ahli psikologi adalah tahap perkembangan transisi yang membawa individu dari masa kanak-kanak ke masa dewasa (Zakiah, 1996). Remaja

menurut Islam adalah seseorang yang telah sampai umur *baligh* (Abdullah Nasih Ulwan, 1989). Umur baligh merupakan indikator dalam penentuan peringkat remaja (Razaleigh Muhamat dan Ahmad Tarmizi, 2010). Seorang remaja yang telah baligh wajib menunaikan segala tuntutan dan kewajiban agama bahkan segala kesalahan dan dosa yang dilakukan akan dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Masa remaja adalah masa peralihan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Pada masa ini banyak terjadi kegoncangan dalam jiwa remaja. Remaja cenderung melakukan perkara yang disukai walaupun bertentangan dengan nilai-nilai dalam masyarakat bahkan bertentangan juga dengan nilai-nilai agama (Muhammad Ichsan, 2015). Jiwa agama remaja adalah tingkah laku yang berhubung dengan hidup beragama seseorang remaja dan keyakinan beragama yang mempengaruhi diri serta keadaan hidup remaja itu (Ratnawati, 2016).

Menurut Zakiah (1987) antara sebab-sebab kegoncangan emosi remaja adalah konflik yang berlaku pada remaja, keluarga, masyarakat dan sekolahnya. Konflik tersebut berpunca daripada pertentangan agama dengan ilmu, perbezaan nilai moral dengan realiti yang berlaku, pertentangan nilai agama dengan perlakuan orang dewasa dan perbezaan nilai agama dengan dorongan seks. Konflik-konflik ini terjadi kerana kurangnya kefahaman remaja terhadap agama. Konflik ini juga dapat diatasi dengan pendidikan agama yang diberikan sejak dari kecil lagi.

Secara umumnya hidup beragama bagi seseorang Muslim ditentukan oleh pendidikan, pengalaman dan latihan yang dilalui pada masa kecil. Individu yang tidak pernah mendapat pendidikan agama sejak kecil akan menyebabkan kurang penghayatan agama apabila telah dewasa. Berbeza dengan individu yang mempunyai pengalaman beragama, berada dalam lingkungan rakan-rakan yang mengamalkan agama dan menerima pendidikan agama secara formal dan tidak formal akan mempunyai kecenderungan mengamalkan cara hidup beragama (Zakiah, 1996).

Bagi membangunkan hidup beragama dalam kalangan remaja pendidikan merupakan asas utama yang perlu dititik beratkan. Al-Qaradawi (2005) menegaskan

aspek pendidikan perlu diutamakan dan menjadi tanggungjawab untuk ditunaikan. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2008) pendidikan mesti diberikan kepada remaja mengikut panduan yang telah digariskan oleh agama. Al-Maududi (1991) juga menekankan pendidikan dengan mengatakan bahawa tiada Islam tanpa ilmu pengetahuan. Dengan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari pendidikan, ajaran Islam dapat difahami dan dihayati sebaiknya.

Pendidikan Islam yang disemai sejak zaman kanak-kanak akan memberi kesedaran agama dalam diri mereka dimana ia mampu membentuk perkembangan diri remaja yang positif serta mempunyai nilai-nilai murni dalam jiwa mereka (Robiah, 2001). Ini kerana tujuan pendidikan Islam adalah untuk meningkatkan keimanan melalui pemupukan pengetahuan, penghayatan, pengamalan serta pengalaman tentang agama Islam sehingga menjadi muslim yang beriman, bertakwa, berbangsa dan bernegara (Abd. Majid dan Dian Andayani, 2004)

Mahmud Yunus (1983) juga mengatakan bahawa pendidikan Islam adalah mendidik anak, pemuda mahupun orang dewasa untuk menjadi muslim yang sejati, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia sehingga menjadi ahli masyarakat yang sanggup berbakti kepada bangsa dan tanah airnya. Al-Ghazali mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam yang paling utama adalah beribadah kepada Allah dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pendidikan Islam memberikan dan mensucikan jiwa serta mendidik hati nurani dan mental anak-anak dengan kelakuan yang baik dan mendorong mereka melakukan pekerjaan yang mulia (Ratnawati, 2016).

Allah SWT mengarahkan manusia supaya membaca dan menggunakan pena yang merupakan dua cara pendidikan yang terunggul. Allah SWT juga telah mengangkat martabat orang-orang yang berilmu dan beriman dalam firmanNya :

وَأَقِيلَ وَإِذْ أَلَّكُمْ اللَّهُ يَفْسَحِ فَأَفْسَحُوا الْمَجْلِسِ فِي تَفْسَحُوا لَكُمْ قِيلَ إِذَاءَ أَمْنُوا الَّذِينَ يَتَأْتِيهَا

﴿ خَيْرٌ تَعْمَلُونَ بِمَا وَاللَّهُ دَرَجَاتٍ الْعِلْمَ أَوْ تَوَأْوَالِ الَّذِينَ مِنْكُمْ ءَامْنُوا الَّذِينَ اللَّهُ يَرْفَعُ فَاذْشُرُوا أَدْنَىٰ



Yang bermaksud :

Hai orang-orang beriman apabila kamu dikatakan kepadamu: "Berlapang-lapanglah dalam majlis", maka lapangkanlah niscaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. dan apabila dikatakan: "Berdirilah kamu", maka berdirilah, niscaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan (Surah al-Mujadalah : 11).

Al-Quran juga telah memaklumkan kepada kita bahawa orang-orang yang takutkan Allah SWT hanyalah orang yang berilmu dan ilmu berhasil melalui pendidikan. Firman Allah SWT :

لَعَلَّمْتُمْ عِبَادِهِ مِنْ اللَّهِ تَخَشَىٰ إِنَّمَا كَذَلِكَ الْوَأَنَّهُ مُخْتَلِفٌ وَأَلَّا تَعْمُرُوا الدَّوَابَّ النَّاسِ وَمِنْ

﴿ غُفُورٌ عَزِيزٌ اللَّهُ إِنَّ ۝﴾

Yang bermaksud :

Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama[1258]. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Rasulullah SAW juga telah menjelaskan tentang peri pentingnya pendidikan di dalam mengharungi kehidupan dunia untuk mendapat kebaikan di akhirat. Sabda Rasulullah SAW :

من أراد الدنيا فعليه بالعلم ومن أراد الآخرة فعليه بالعلم ومن أرادهما فعليه بالعلم.

Yang bermaksud :

Sesiapa yang inginkan dunia maka hendaklah dia memiliki ilmu dan sesiapa yang inginkan akhirat maka hendaklah dia memiliki ilmu dan sesiapa yang mahukan keduanya maka dia hendaklah memiliki ilmu (Riwayat Muslim).

Ilmu tidak akan diperoleh tanpa menuntut ilmu dan menjalani proses pendidikan. Oleh itu, orang Islam bukan setakat digalakkan menjalani pendidikan malah menjadi satu kefarduan kepada mereka melaksanakannya. Sepertimana Rasulullah SAW mewajibkan orang Islam lelaki dan perempuan menuntut ilmu. Sabda baginda Rasul SAW :

طلب العلم فريضة على كل مسلم ومسلمة.

Yang bermaksud :

Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap muslim dan muslimah.

Sejarah umat Islam silam telah membuktikan kejayaan sistem pendidikan Islam dalam segenap aspek tanpa mengabaikan atau meninggalkan aspek-aspek yang lain. Mereka berjaya dalam aspek penerokaan ilmu seperti mana yang berlaku di Qardova Sepanyol. Mereka juga telah berjaya dalam bidang ketenteraan dan telah melakukan pembukaan-pembukaan negara untuk menyebarkan Islam tanpa membuang atau mengabaikan akidah dan akhlak yang mulia (Hasnan, 2008).

Antara contoh remaja terhebat yang lahir dari sistem pendidikan Islam dan menerima didikan langsung daripada madrasah Rasulullah SAW adalah seperti Mus'ab bin Umair, seorang pemuda yang sanggup meninggalkan kekayaan keluarganya demi Islam dan akhirnya terkorban syahid kerana menegakkan Islam. Ali

bin Abi Talib, pemuda barisan hadapan dalam setiap siri peperangan kerana sangat berani mempertahankan Islam. Abdullah ibnu Umar, sahabat yang sangat sayangkan Rasulullah SAW sehingga setiap tingkah lakunya pasti menurut sunnah nabi. Abdullah Ibnu Abbas, Abdullah ibnu Zubair, Bilal bin Rabah dan ramai lagi (Muhammad Khairul Azhar dan Nur'Athiroh Masyaa'il, 2017).

Matlamat pendidikan Islam bukan sahaja ingin melahirkan seorang warganegara yang baik, keurunan yang baik, seorang yang taat pada peraturan, mahir dalam bidang-bidang yang diceburinya. Malah matlamat pendidikan Islam adalah melahirkan seorang manusia yang mempunyai sifat kemanusiaan, beriman, mendatangkan manfaat terhadap diri sendiri, orang lain dan negara. Matlamat pendidikan Islam juga ingin melahirkan insan yang menabur bakti kepada bangsanya dan bang lainnya. Insan yang menabur jasa kepada negaranya dan negara yang lain.

Insan yang lahir dari pendidikan Islam akan memberikan produk yang lumayan kepada negara. Mereka akan menabur jasa dan memberi sumbangan kepada masyarakat pada setiap tempat dan ketika. Melalui sistem pendidikan Islam juga, mendidik dan mengasuh manusia supaya menghias diri dengan akhlak dan nilai-nilai murni agar perhubungan sesama manusia berjalan dengan baik tanpa ada persengketaan atau penyelewengan. Islam mendidik manusia supaya bersifat takwa, ikhlas, amanah, menghormati orang lain, mengamalkan sifat tolong- menolong dan sebagainya (Hasnan, 2008).

Ilmu menurut Islam merangkumi keseluruhan ilmu yang berfaedah sama ada berbentuk akidah, akhlak atau ilmu-ilmu kajian untuk membangunkan tamadun kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Perbincangan ilmu dalam Islam tidak melebihkan sesuatu ilmu dengan mengabaikan ilmu yang lain. Sistem pendidikan Islam tidak pernah memntingkan sesuatu aspek ilmu dan menganggap remeh aspek yang lain. Malah Islam sentiasa memastikan perimbangan antara aspek-aspek ilmu yang terdapat dalam sistem pendidikan (Hasnan, 2008).

Menurut Yusuf al-Qaradawi (1982) di dalam bukunya Tarbiah Islamiah dan Madrasah Hasan al-Banna menghuraikan aspek pendidikan adalah seperti berikut :

- i. Pendidikan akal
- ii. Pendidikan akhlak
- iii. Pendidikan Jasmani
- iv. Pendidikan Jihad
- v. Pendidikan sosial
- vi. Pendidikan politik

Abdul Halim Mahmud (1991) di dalam bukunya Tarbiyah al-Nasyik al-Muslim telah membahagikan aspek pendidikan seperti yang berikut :

- i. Pendidikan rohani
- ii. Pendidikan akhlak
- iii. Pendidikan akal
- iv. Pendidikan seni
- v. Pendidikan sosial
- vi. Pendidikan politik

Ajil al-Nasymi (1992) di dalam bukunya yang bertajuk Tariqat bina al-Tarbawi al-Islami telah menambah aspek-aspek yang dijelaskan oleh Ali Abdul Halim Mahmud iaitu pendidikan seks.

Abdullah Nasih Ulwan (1984) pula dalam bukunya Tarbiyah al-Aulad fi Al-Islam mengeluarkan aspek-aspek berikut :

- i. Pendidikan iman
- ii. Pendidikan akhlak
- iii. Pendidikan Jasmani
- iv. Pendidikan psikologi
- v. Pendidikan sosial

vi. Pendidikan seks

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh ulama' terkemuka di atas dapat disimpulkan bahawa aspek pendidikan yang perlu diterapkan kepada remaja adalah merangkumi pendidikan rohani, pendidikan akhlak, pendidikan akal, pendidikan jasmani, pendidikan sosial dan pendidikan seks.

i. Pendidikan rohani

Pendidikan rohani yang dianjurkan oleh Islam melalui al-Quran dan sunnah Nabi SAW adalah seperti berikut :

- a. Melakukan ibadat khusus kepada Allah SWT sama ada ibadah wajib atau sunat dengan menepati apa yang dianjurkan oleh syarak tanpa penambahan dan pengurangan.
- b. Pemerhatian terhadap kejadian Allah SWT yang ada dihadapan mata dan yang dapat dikesan oleh pancaindera.
- c. Melakukan ibadah kepada Allah SWT sama ada ibadah wajib atau sunat dengan menepati apa yang dianjurkan oleh syarak.

ii. Pendidikan akhlak

Islam memdidik akhlak manusia dengan berbagai cara yang saling bantu-membantu antara satu sama lain. Kesempurnaan pendidikan akhlak Islam terbina atas tunjang-tunjang yang kukuh dan berupaya melahirkan akhlak yang mulia yang memberi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Tunjang-tunjang tersebut ialah ilmu, akidah, ibadah, hukum, contoh ikutan, nasihat dan jihad.

iii. Pendidikan akal

Islam mendidik akal manusia berlandaskan kepada beberapa asas yang penting iaitu:

- a) Membersihkan akal manusia dari perkara khurafat dan tahyul serta dakwaan mengetahui perkara ghaib supaya akal manusia tidak dibelenggu oleh perkara-perkara tersebut. Keupayaan akal manusia adalah terhad. Sekiranya ia telah dibelenggu dengan perkara-perkara tersebut maka peranannya di dalam bidang lain akan menjadi lemah. Kerana itu, Allah SWT mengharamkan perkara yang membawa kepada perbuatan syirik dan fasik.
- b) Membersihkan akal dari hukum-hukum yang dibuat berdasarkan andaian, sangkaan dan tanggapan kosong tanpa kenyataan yang jelas.
- c) Membiasakan akal dengan membuat keputusan setelah membuat penelitian dan penyelidikan.
- d) Membuat kajian sebelum menerima apa-apa berita yang diterima.
- e) Menyuburkan akal dengan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang diperoleh dengan memahami dan menghayati kitab suci al-Quran, hadis nabi SAW dan bertafakur terhadap kejadian alam semesta.
- f) Menjauhkan akal dari tradisi pak turut dan menanamkan semangat menolak taklid kecuali dalam perkara yang telah ditetapkan syarak.

iv. Pendidikan Jasmani

Islam mengiktiraf bahawa jasmani manusia mempunyai tabiat dan keperluan tersendiri. Tabiat dan keperluan ini perlu ditangani dengan sepenuhnya untuk menghasilkan manusia yang sempurna dan seimbang. Bagi memenuhi dan keperluan tersebut Islam telah menggariskan beberapa teknik dan panduan dalam penjalankan pendidikan jasmani iaitu:

- a) Mengetahui secara terperinci tentang tabiat jasmani. Pendidikan jasmani dalam Islam adalah berlandaskan kepada mengetahui tabiat jasmani. Ini kerana umumnya jasmani manusia perlu kepada makanan yang baik dan senaman yang teratur.
- b) Memastikan makanan dan minuman yang dinikmati mendatangkan kesihatan kepada jasmani. Islam mewajibkan manusia memakan makanan yang baik dan

mendatangkan manfaat pada jasmani serta mengharamkan makanan dan minuman yang memudaratkan.

- c) Tidak keterlaluan dalam makan dan minum sekalipun benda yang halal. Keterlaluan dalam makan dan minum akan mendatangkan mudarat kepada jasmani. Islam bukan sahaja melarang kita memakan benda kotor dan memudaratkan malah Islam juga melarang dari melampau dalam makan dan minum benda yang diharamkan.
- d) Tidak melakukan perbuatan yang boleh memudaratkan serta berlawanan dengan fitrah kejadian jasmani itu sendiri. Seperti berpuasa sepanjang masa dan berjaga malam tanpa rehat.
- e) Melakukan senaman pergerakan badan dengan bersistem mengikut keperluan dan matlamat.
- f) Mengubati segera penyakit yang menyerang tanpa bertanggung kerana ia boleh melemahkan dan merosakkan jasmani.

v. Pendidikan sosial

Pendidikan sosial dalam Islam ialah menerangkan kepada manusia tentang sikap atau pendirian yang perlu diambil terhadap masyarakat, menggariskan sistem sosial secara umum, meneguhkan dan mewajibkan orang ramai mengikutnya (Ali Abdul Halim mahmud).

Sistem sosial dalam pendidikan Islam merangkumi keseluruhan aktiviti yang dilakukan oleh manusia muslim sama ada sebagai seorang ahli dalam sesuatu kumpulan ataupun masyarakat awam. Aktiviti ini merangkumi iktikad, pemikiran, akhlak dan segala perlakuan yang berbentuk interaksi dengan keluarga, jiran, masyarakat muslim dan juga bukan muslim.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1984), antara pendekatan bagi pendidikan sosial adalah seperti berikut :

- a) Memupuk asas psikologi yang unggul.

- b) Memelihara hak orang lain
- c) Menjaga adab sosial
- d) Mengamalkan dasar peka dan mengkritik untuk kebaikan masyarakat.

vi. Pendidikan seks

Pendidikan seks ialah mengajar, memberi kesedaran dan berterus-terang dengan anak tentang perkara yang berkaitan dengan seks, nafsu dan perkahwinan (Abdullah Nasih Ulwan, 1984). Pendidikan ini juga mengajar cara mengawal dan menundukkan gelora seks yang ada di dalam jiwa mereka agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan tenang (Hasnan, 2008).

Langkah bagi mengelakkan gelora seks :

- a) Menjauhi godaan dengan mengelak daripada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Bahkan Islam mengaharamkan pergaulan bebas lelaki dan perempuan tanpa batasan. Sabda Rasulullah SAW :

لا يخلون رجل وامرأة إلا كان الشيطان ثالثهما

Yang bermaksud :

Tidaklah seorang lelaki itu berkhalwat dengan seseorang perempuan melainkan syaitan masuk antara keduanya. (Riwayat Tarmizi)

- b) Memelihara pandangan. Firman Allah SWT :

عُونَ بِمَا حَبِيرُ اللَّهِ إِنَّهُمْ أَزْكَىٰ ذَٰلِكَ فُرُوجَهُمْ وَتَحَفُّظُوا أَبْصَارَهُمْ مِّنْ يَّغُضُّوهُمُ الْمُؤْمِنِينَ ۚ قُلْ

إِلَّا زِينَتُهُنَّ بُيُوتَهُنَّ وَلَا فُرُوجَهُنَّ وَتَحَفُّظْنَ أَبْصَارَهُنَّ مِّنْ يَّغُضُّنَّ لِلْمُؤْمِنَاتِ وَقُلْ ۖ يَصْنَعُونَ

ط
مِنْهَا ظَهَرَ

Yang bermaksud :

Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang mereka perbuat".
Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya (Surah al-Nur : 30-31).

- c) Menutup aurat. Allah SWT memberitahu orang-orang yang beriman bahawa manusia di dunia ini dihiasi dengan beberapa perhiasan yang sentiasa menawan cita rasanya. Salah satu dari perhiasan itu adalah wanita.

لَفِضَّةٍ أَلْذَهَبِ مِنَ الْمُقَنْطَرَةِ وَالْقَنْطِيرِ وَالْبَيْنِ النَّسَاءِ مِنَ الشَّهَوَاتِ حُبُّ لِلنَّاسِ زِينِ

حُسْبُ عِنْدَهُ وَاللَّهُ أَلْدُنْيَا الْحَيَاةِ مَتَعُ ذَٰلِكَ وَالْحَرِثِ وَالْأَنْعَامِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْخَيْلِ وَالْ

ط
الْمَاءِ

Yang bermaksud :

Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (Surah ali Imran : 14).

Maka kerana itu kaum perempuan mesti menutup aurat mereka kerana mereka merupakan sumber fitnah bagi kaum lelaki. Firman Allah SWT:

أَدْنَىٰ ذَٰلِكَ جَلَسِيْبِهِنَّ مِّنَ عَلَيِّنَ يَدْنِيْنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَنِسَاءِ وَبَنَاتِكَ لِأَزْوَاجِكَ قُلِ النَّبِيُّ يَأْتِيْهَا

رَّحِيْمًا غَفُوْرًا ۗ وَاللّٰهُ وَكَانَ يُؤْذِيْنَ فَلَا يُعْرَفْنَ ۗ اَنَّ

Yang bermaksud :

Hai Nabi, Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: "Hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka". yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, karena itu mereka tidak di ganggu. dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (Surah al-Ahzab : 59).

4.0 KESIMPULAN

Bagi melahirkan golongan remaja yang cemerlang di dunia dan akhirat, hidup beragama dalam diri mereka harus ditanam dan diterapkan. Remaja yang menghayati hidup beragamanya adalah remaja yang akan memberi sumbangan besar kepada agama, bangsa dan negara. Bahkan remaja itu sendiri dapat mengawal segala gelora jiwa remaja dengan tenang dan yakin.

Pentingnya pendidikan kepada remaja harus dilihat secara positif kerana ia merupakan proses penyemaian ilmu secara berterusan dalam rangka melahirkan insan yang sempurna dan berakhlak mulia.

Islam mengambil berat terhadap pembangunan pendidikan remaja dalam membina keperibadian unggul memandangkan mereka adalah pewaris generasi akan

datang. Kekuatan mereka dapat dibina melalui pendidikan yang sempurna berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang berterusan berlandaskan ajaran Islam. Pendidikan terhadap remaja tidak akan sempurna jika tidak meliputi pendidikan rohani, akhlak, akal, jasmani, sosial dan seks. Sehubungan itu, masyarakat perlu mengambil perhatian tentang pendidikan remaja supaya mereka lahir menjadi generasi yang berkeperibadian tinggi dan berakhlak mulia sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran Islam.

RUJUKAN

- Ahmad M. Raba. 2001. *Major Personalities in the Quran*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen
- Abdul Halim Mahmud. 1991. *Tarbiyah al-Nasyi' al-Islami*. Kaherah. Dar al-Qalam.
- Abdullah NasihUlwan. 1984. *Tarbiyah al-Aulad fi al-Islami*. Kaherah. Dar -Al-Salam
- Al-Maududi. 1991. *Let Us Be Muslim*. (ed). Khuram Murad. Kuala Lumpur. A S Noordeen.
- Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Abdul Lateef Abdullah, Rumaya Juhari, Khairul Anwar Mastor, Turiman Suandi J& Jamiah Manap. 2006. *Muslim Religiosity and Personality Indexing : Implications for Nation Building*. Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA). Serdang.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad.t.t. *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Arabi.
- AjilJasim. 1992. *Tariq al-Bina al-Tarbawi al-Islami*. Kaherah. Dar al-Wafa
- Azmabinti Mahmood. 2005. *PengukuranTahapPenghayatanPendidikan Islam Pelajar-pelajarSekolahMenengah di Malaysia*. TesisDr.Fal.UniversitiKebangsaan Malaysia.
- Fauziah Ibrahim et. al. 2012. *MemperkasakanPengetahuan Agama DalamKalanganRemajaBermasalahTingkahLaku: KeArahPembentukanAkhlakRemaja Sejahtera*. *Journal of Social Sciences and Humanities*.7 : 2012. Hlm 84-93
- Indirawati, Emma. 2006. *Hubunganantarakematanganberagamadengankecenderunganstrategi coping*. *JurnalPsikologiUndip*3(2): 69-92.
- HasnanKasan. 2002. *KesihatanJasmanidanRohanisebagaiAsasKejayaanmenurut Islam*.Bangi : UKM
- _____. 2008. *PendidikanRemaja Muslim*. Kuala Lumpur. JAKIM.
- Hamka. 1997. *TasawufModen*. Singapura :Pustaka National PTE LTD
- Haron Din. 1985. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur : Hizbi Sdn. Bhd
- Hasanah, FiennaRahmi. 2016. *Hubungan Antara KomitmenBeragama Islam DenganMotivasiKerjaPadaPegawaiAdministrasiBaru Di Universitas Islam Bandung*.TesisSarjana, FakultasPsikologi, Universitas Islam Bandung (UNISBA).
- Handoyo, Restu Tri & Rusli, Erida. 2008. *HubungankomitmenberagamadenganintensiberhentimenyalahgunakanNarkoba apasca program rehabilitasi*. *JurnalPsikologiSosial*14(3): 17-26.
- IbnuQayyim al-Jawziyah. 1983. *Miftah al-Dar al-Saadah*. Kaherah. Dar al-Hadis
- JamiahManap. 2005. *Kesahandankebolehpercayaaninventorireligiositidanpersonaliti Muslim*. DisertasiSarjana. UniversitiPutera Malaysia.
- Khairul Anwar dan Hasnan Hasan. 2008. *Penghayatan Agama Dan Kepimpinan Pelajar*. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*. UTM Skudai. 22-23 Oktober 2008
- Md Noor Saper.2012. *PembinaanModulBimbinganTazkiyah an-NafsdanKesannyakeAtasReligiositidanResiliensiRemaja*.TesisDr.Fal.Universiti Utara Malaysia.

- Muhammad KhairulAzhar&Nur'AthoirahMasyaa'il Tan Abdullah. 2017. Kesedaran Agama di KalanganBelia di Desa KEDA Saduk, KupangKedah :SuatuTinjauanLiteratur. *Al-Hikmah* 9(1) 141-158
- Muhammad IchsanTaib. 2015. PerkembanganJiwa Agama Pada Masa al-Murahiqa (Remaja). *Subtantia*. 17(2)245-258
- Mahmud Yunus. 1983. *Metode Khusus Pendidikan Agama*. Jakarta. PT. Hidakarya Agung.
- Nor Salimah Abu Mansur . 2013.*Penghayatan Agama Orang KurangUpaya di Terengganu DaripadaPerspektifDakwah*. TesisDr.Fal.UniversitiKebangsaan Malaysia.
- Nur Zatil Ismah & Zulkifli. 2017. Kepentingan Unsur al-Qalb dalam Membentuk Jati Diri Remaja : Analisis Terhadap Ikon Remaja di Dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*. 10 (1) 1-16
- Nik Safiahet. al. 2015.Pembangunan BeliadariPerspektifPengurusan Islam.*Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. Vol. 1(61-76)
- Rafiza Mohamed. 2015. *Gelandangan Antara Tret Personaliti dan Religiositi*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad. Kuala Lumpur
- Razaleig Muhamat & Ahmad Tarmizi. 2010. Penyelesaian Permasalahan Belia dari Perspektif Agama. *Malaysian Journal of Youth Studies*. (3). 38-52
- Ratnawati. 2016. Memahami Perkembangan Jiwa Keagamaan Pada Anak dan Remaja. *Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan*. 1 (1). 19-32
- Robiah. 2001. DalamZainuddin Abu, Zuria Mahmud Dan SallehAmat. 2008. PendekatanKaunselingMenanganiMasalahKebebasanDalamKalanganPelajarInstitutPengajianTinggi :KajianKes. *JurnalPendidikan*
- Sharifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I., Muryid, A. 2010. Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Sharifah Hayaati. 2017. Mengurus Antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi : Analisis Melalui Pendekatan Al-Tadayun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah. *Akademika*. 87 (3). 195-206
- Yusuf al-Qaradawi. 1998. *Al-Iman wa al-Hayat*. Kaherah :*Muassasah al-Risalah li Tobaahwa al-Nasyarwa al-Tauzi'*.
- _____. 1982. *Al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Madrasah Hasan al-Banna*. Kaherah.MaktabahWahabah.
- _____. 1998. *Al-Iman wa al-Hayat*. Kaherah :*Muassasah al-Risalah li Tobaahwa al-Nasyarwa al-Tauzi'*.
- Zakaria Stapa. 2002. *Akidah dan akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- ZakiahDarajat. 1987. *IlmuJiwa Agama*. Jakarta. BulanBintang.
- _____. 1996. *Pembinaan Belia*. Jakarta. Bumi Aksara.